



**AWANG ABDUL AZIZ JUNED (empat dari kiri) serta delegasi dari Brunei bergambar dengan potret Awang Ismail Omar Abdul Aziz dalam perasmian pameran sempena Seminar Tokoh Antarabangsa di Johor Bahru, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**

Pertukaran pegawai kedua-dua kerajaan dapat dilaksanakan

# Hubungan Johor, Brunei lebih erat

Oleh **AZIZI MAJID**

pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 6 MEI**

**S**ULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini menyatakan harapan agar hubungan diplomatik lebih erat dapat dijalinan antara kerajaan negeri dengan kerajaan Brunei Darussalam.

Dalam titah baginda, Sultan Ibrahim berhasrat perkara itu dapat diteruskan menerusi program pertukaran dan peminjaman pegawai antara kedua-dua kerajaan sebagaimana yang pernah dilaksanakan dahulu.

"Semoga usaha murni yang dicurahkan ini mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT," titah baginda ketika merasmikan Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Datu Seri Utama Dr. Ismail Omar Abdul Aziz sempena Kemahkotaan Sultan Johor di Pusat Konvensyen

Antarabangsa Persada di sini.

Yang turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Mufti Johor, Datuk Mohd. Tahrir Samsudin serta Mufti Brunei, Pehin Datu Seri Maharaja Datuk Paduka Seri Setia Dr. Awang Abdul Aziz Juned.

Sultan Ibrahim bertitah, seminar julung kali diadakan berkenaan diharapkan akan meningkatkan budaya dan penghayatan agama Islam kepada masyarakat dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup yang berpandukan al-Quran dan sunah.

Baginda turut bertitah agar program itu dapat menjadi pemangkin kepada masyarakat Islam terus berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunah Wal Jamaah sekali gus mengelakkan terjebak dalam pelbagai fahaman yang menyeleweng.

"Seminar ini bukan hanya sekadar untuk mengenang tokoh yang dibicarakan tetapi lebih kepada jasa dan sumbangan yang telah diting-

galkan sepanjang hayatnya sama ada berkhidmat di Johor atau Brunei.

"Semoga jasa dan sumbangan beliau akan menjadi contoh dan iktian kepada generasi masa kini untuk mengikut jejak langkah tersebut," titah baginda.

Seminar dua hari bertemakan 'Memartabatkan Sumbangan Ulama Nusantara' itu merupakan kerjasama antara Johor dan kerajaan Brunei bagi mendalami jasa dan sumbangan Allahyarham Ismail Omar, anak jati negeri ini yang berkhidmat sebagai Mufti pertama Brunei selama 28 tahun sebelum meninggal dunia pada 1993.

Allahyarham yang berasal dari Kampung Rengit, Batu Pahat, dipinjamkan kerajaan negeri untuk menjadi Mufti Brunei pada 1962 hingga 1965 sebelum memegang jawatan tersebut secara kontrak bermula 11 Mac 1967 selepas bersara dalam perkhidmatan kerajaan negeri pada 1 Januari 1967.